


Tanggungjawab moral kita bantu Palestin

Malaysia mahu realisasikan kedamaian di Asia Barat: PM

BH - 21/05/2006



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, menjadi tanggungjawab moral kepada Malaysia untuk turut membantu merealisasikan proses damai di Asia Barat.

Perdana Menteri berkata, rakyat Palestin sudah terlalu lama hidup dalam persekitaran peperangan, namun setakat ini tiada tanda keadaan bertambah baik bagi mereka.

"Keadaan di Asia Barat amat menyedihkan. Tidak ada apa dapat diharapkan penduduk Palestin untuk mengesepi masa depan lebih baik.

"Terlalu banyak campur tangan politik dalam usaha menyelesaikan masalah di Palestin.


"Berikutan itu, menjadi tanggungjawab moral kepada negara seperti Malaysia untuk membantu proses damai di Asia Barat," katanya pada sesi perbincangan mengenai Dialog antara Barat dan Islam di Persidangan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, semalam.

Perdana Menteri ditanya seorang peserta Yahudi, sama ada Malaysia sanggup memainkan peranan membantu proses damai di rantau ini. Peserta itu berkata, pengalaman Malaysia dalam menguruskan negara yang berbilang kaum dan agama, amat berguna dalam mendamaikan pihak bersengketa di Asia Barat, termasuk di Palestin.

Abdullah berkata: "Saya harap dapat berbuat sesuatu jika diminta membantu. Keadaan di Palestin amat menyedihkan bagi umat manusia."

Beliau tiba di sini malam semalam untuk menghadiri persidangan WEF edisi Asia Barat yang kali pertama diadakan di pusat peranginan Laut Merah ini yang terkenal sebagai tuan rumah kepada beberapa pertemuan penting di antara pemimpin Palestin dan Israel dalam rangka mencari kedamaian di wilayah itu yang bergolak sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua lebih setengah abad lalu.

Abdullah akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Palestin Mahmoud Abbas lewat malam ini yang dijangka berkisar kepada masalah Pihak Berkuasa Palestin sekarang yang hampir bankrap berikutan sekatan dikenakan Israel,



PERTEMUAN PEMIMPIN: Abdullah berjabat tangan dengan Mahmoud Abbas ketika mengunjungi pemimpin Palestin itu sempena Persidangan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Sharm El-Sheikh Mesir, semalam.

Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah terhadap kemasukan dana bantuan antarabangsa ke Palestin.

Pada sesi soal jawab itu, Perdana Menteri turut menegaskan pentingnya punca masalah membelenggu negara Islam itu diatasi.

Katanya, dalam kebanyakan kes punca masalah itu ialah tahap pendidikan rendah dan kemiskinan.

"Jika seseorang itu tidak mempunyai pendidikan dan hidup sengsara, amat mudah baginya dipengaruhi mereka yang ada agenda sempit.

"Namun, jika seseorang itu berpendidikan dan poketnya pula dipenuhi wang menerusi usahanya sendiri dan bukan melalui rasuah, sudah tentu dia akan puas hati terhadap hidupnya. Sudah tentu dia bahagia

melihat hidup keluarganya terjamin dan sudah tentu dia tidak mudah dipengaruhi mereka yang mempunyai agenda sempit," katanya pada sesi perbincangan C100 itu, iaitu kumpulan orang ternama WEF.

“Tidak ramai yang mahu melihat kehendak rakyat Palestin itu sendiri, iaitu untuk melihat keamanan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Menyedari hakikat itu, Perdana Menteri berkata, beliau meletakkan pendekatan ekonomi sebagai teras tindakan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sejak mengambil alih jawatan pengerusi dua tahun lalu.

"OIC sebelum ini lebih menumpu kepada isu politik dan perang. Kita mahu ia menurus kepada usaha meningkatkan keupayaan rakyat di negara Islam," katanya.

Mengenai dialog Barat-Islam, Abdullah berkata, sudah tiba masanya dialog itu bergerak daripada fasa bercakap kepada fasa bertindak.

"Dialog antara Barat dan Islam, bukan hanya perlu menghasilkan persefahaman lebih baik tetapi menghasilkan tekad dan kekuatan memperbaiki yang tidak betul," katanya.